

# PERBANDINGAN KURIKULUM BAHASA CINA SEBAGAI BAHASA KEDUA DI MALAYSIA DAN CHINA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

**PERBANDINGAN KURIKULUM BAHASA CINA SEBAGAI BAHASA KEDUA  
DI MALAYSIA DAN CHINA**

**CHAI OOI LI**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12.12.2023

**Perakuan pelajar:**

Saya, CHAI OOI LI, M20201000590 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PERBANDINGAN KURIKULUM BAHASA CINA SEBAGAI BAHASA KEDUA DI MALAYSIA DAN CHINA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

  
\_\_\_\_\_

Tandatangan pelajar

**Perakuan Penyelia:**

Saya DR. NG MIEW HOON dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PERBANDINGAN KURIKULUM BAHASA CINA SEBAGAI BAHASA KEDUA DI MALAYSIA DAN CHINA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA CINA).

12.12.2023



\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PERBANDINGAN KURIKULUM BAHASA CINA SEBAGAI  
BAHASA KEDUA DI MALAYSIA DAN CHINA

No. Matrik / Matric's No.: M20201000590

Saya / I: CHAI OOI LI

mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis.*

5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL** Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /  
*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED** Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /  
*Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

**DR. NG MIEW HOON**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak

(Tandatangan Pelajar / Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 12.12.2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.  
*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentially or restriction.*



## PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menaja saya untuk melanjutkan pelajaran peringkat sarjana melalui tawaran Hadiah Latihan Persekutuan / Cuti Belajar Bergaji Penuh selama dua tahun. Proses mengumpul data menjelang penularan wabak Covid-19 bukan perjalanan yang mudah bagi pascasiswazah. Namun demikian, saya amat bersyukur kerana berjaya menyiapkan tesis ini dengan bantuan daripada pelbagai pihak.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Ng Miew Hoon atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan. Begitu juga dengan barisan penyemak tesis yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Ngoi Guat Peng, Dr. Foo Ai Peng, dan Dr. Goh Ying Soon yang bersungguh-sungguh membuat semakan dan pembetulan atas kesilapan yang dilakukan sepanjang menyiapkan penulisan ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada panel pakar rujuk saya atas nasihat dan bimbingan yang diberi.

Ucapan terima kasih juga dituju kepada rakan seperjuangan saya, Cik Fam Choo Chen dan senior saya, Dr. Chuah Kee Ping yang banyak membantu saya untuk menyiapkan tesis ini. Selain itu, ucapan penghargaan juga ditujukan kepada guru-guru Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan dan guru-guru Kongzi Universiti Malaya kerana sudi menjadi responden dalam kajian ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak UPSI iaitu Fakulti Bahasa dan Komunikasi, IPS dan PERCAS yang sering menghulurkan bantuan kepada saya.

Akhir sekali, tidak lupa juga atas jasa dan pengorbanan daripada ahli keluarga saya. Berkat doa dan dorongan daripada mereka, saya dapat menyiapkan tesis ini. Terima kasih semua.





## ABSTRAK

Perbandingan kurikulum bahasa Cina sebagai bahasa kedua di Malaysia dengan negara lain adalah sangat sedikit. Penyelidikan ini bertujuan untuk mencari perbezaan reka bentuk, kandungan kurikulum, pedagogi dan kaedah penilaian antara Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Malaysia (BCSK) dengan Kurikulum ICCLE iaitu *International Curriculum for Chinese Language Education China* seterusnya mencadangkan penambahbaikan bagi kedua-dua kurikulum tersebut. Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Data diperoleh melalui kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Responden kajian terdiri daripada dua orang guru Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan dan dua orang guru Kongzi Universiti Malaya. Kesahan data diperoleh melalui pendekatan triangulasi dan pemeriksaan rakan sebaya. Kajian rintis telah dijalankan dengan membandingkan empat konstruk bagi aspek reka bentuk kurikulum untuk mendapat kebolehpercayaan data. Secara keseluruhannya, reka bentuk Kurikulum ICCLE mempunyai skop yang lebih luas dan menetapkan tahap pembelajaran yang lebih tinggi. Kandungan Kurikulum ICCLE adalah lebih padat dan komprehensif berbanding dengan Kurikulum BCSK. Kurikulum BCSK lebih mementingkan pedagogi yang moden manakala Kurikulum ICCLE menerapkan pedagogi yang tradisional dan moden. Kurikulum BCSK melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah sebagai kaedah penilaian manakala Kurikulum ICCLE menilai tahap kompetensi pelajar secara dalaman dan juga peperiksaan awam seperti ujian *Hanyu Shuipin Kaoshi* dan *Youth Chinese Test*. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa reka bentuk, kandungan kurikulum, pedagogi dan kaedah penilaian mempengaruhi keberkesanan kurikulum pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua (Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE). Penyelidik telah memberi beberapa cadangan penambahbaikan dalam pelaksanaan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE.





## COMPARISON OF CHINESE CURRICULUM AS A SECOND LANGUAGE IN MALAYSIA AND CHINA

### ABSTRACT

There is very little comparison between the curriculum of Chinese as a second language in Malaysia and other countries. This research aimed to find the differences between *Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan* (BCSK) Curriculum Malaysia and International Curriculum for Chinese Language Education (ICCLE) China for curriculum design, contents, pedagogy and assessment methods to suggest improvements to the implementation of both curricula. The study is a qualitative case study research design. Data were obtained through document analysis methods and semi-structured interviews. The respondents consisted of two BCSK's teachers and two Kongzi teachers at University of Malaya. Data validity was obtained through triangulation approach and member check. A pilot study that analyzed four comparative sub-items from the Design Construct was conducted to improve the reliability of the data. Overall, ICCLE design has a wider scope and sets a higher level of learning. The content of the ICCLE is more compact and comprehensive compared to the BCSK Curriculum. BCSK Curriculum more concern with modern pedagogy whereas ICCLE applies traditional and modern pedagogy. The BCSK Curriculum implements "Pentaksiran Bilik Darjah" as assessment method while the ICCLE assesses students' competency levels internally and also public examinations such as the Hanyu Shuipin Kaoshi and Youth Chinese Test. The results of the study showed that curriculum design, contents, pedagogy and assessment methods affect the effectiveness of the curriculum of Teaching Chinese as a Second Language (BCSK Curriculum and ICCLE). Several improvements in the implementation of the BCSK Curriculum and the ICCLE had been suggested.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xyii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>BAB 1      PENGENALAN</b>	
1.1      Pendahuluan	1
1.2      Latar Belakang	9
1.2.1      Latar Belakang Pendidikan Bidang Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua di Malaysia	9
1.2.2      Latar Belakang Pendidikan Bidang Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua / Asing di China	13
1.2.3      Perspektif Perbandingan dalam Bidang Pendidikan Bahasa Cina	14
1.3      Pernyataan Masalah	17
1.4      Objektif Kajian	21
1.5      Soalan Kajian	22
1.6      Kerangka Teoritikal Kajian	22



1.7	Kerangka Konseptual Kajian	26
1.8	Kepentingan Kajian	27
1.8.1	Kementerian Pendidikan Malaysia	28
1.8.2	Kementerian Pendidikan China	29
1.8.3	Institut Pendidikan Guru/ Institusi Pengajian Tinggi	30
1.8.4	Guru dalam Bidang Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua/ Asing	30
1.8.5	Penyelidik dalam Bidang Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua / Asing	31
1.9	Batasan Kajian	31
1.10	Definisi Operasi	33
1.10.1	Kurikulum	33
1.10.2	Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua	33
1.10.3	Sekolah Kebangsaan	34
1.10.4	Kurikulum BCSK	34
1.10.5	Kurikulum ICCLE	35
1.10.6	Kurikulum Standard Sekolah Rendah	36
1.10.7	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran	36
1.11	Rumusan	37

**BAB2****KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	38
2.2	Konsep Kurikulum	38
2.2.1	Teori / Model Kurikulum	40
2.2.2	Model Perkembangan Kurikulum	41
2.2.3	Model Perkembangan Kurikulum Murray Print	44
2.3	Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Malaysia	44

2.3.1	Sejarah Perkembangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR Semakan)	46
2.3.2	Falsafah Pendidikan Kebangsaan	50
2.3.3	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025	51
2.4	Kurikulum <i>International Curriculum for Chinese Language Education</i> China	52
2.4.1	Sejarah Perkembangan Institut Kongzi Universiti Malaya (KZIUM)	55
2.5	Konsep Pemerolehan Bahasa Kedua	61
2.5.1	Teori Pemerolehan Bahasa Kedua	63
2.5.2	Teori Input Hipotesis (Stephen Krashen)	63
2.5.3	Teori Linguistik Berfungsi Sistemik (Michael Halliday)	65
2.6	Reka Bentuk Kurikulum Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua	67
2.7	Kandungan Kurikulum, Pedagogi dan Kaedah Penilaian Kurikulum Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua	68
2.7.1	Kandungan Kurikulum Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua	68
2.7.2	Pedagogi Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua	69
2.7.3	Kaedah Penilaian Kurikulum Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua	70
2.8	Tinjauan Literatur Mengenai Perbandingan Kurikulum Sebagai Bahasa Kedua	71
2.9	Tinjauan Literatur Mengenai Perbandingan dalam Bidang Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua	78
2.10	Pembangunan dan Penambahbaikan Kurikulum Bahasa Cina Sebagai Bahasa kedua	89
2.11	Rumusan	90

**BAB 3****METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	91
3.2	Metodologi dalam Penyelidikan Perbandingan Pendidikan	91
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan	94
3.3.1	Falsafah Penyelidikan	96
3.3.2	Pendekatan Penyelidikan	97
3.3.3	Strategi Penyelidikan	97
3.3.4	Pilihan Penyelidikan	99
3.3.5	Ufuk Masa	100
3.3.6	Teknik Penyelidikan dan Kaedah Pengumpulan Data	100
3.4	Kaedah Menganalisis Data	115
3.5	Kesahan	118
3.5.1	Triangulasi	118
3.5.2	Samakan Rakan Sebaya	119
3.5.3	Kesahan Instrumen	119
3.6	Kebolehpercayaan	126
3.6.1	Kajian Rintis	126
3.7	Rumusan	128

**BAB 4****ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	129
4.2	Perbezaan dari Segi Reka Bentuk antara Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE	129
4.2.1	Reka Bentuk Kurikulum BCSK	131
4.2.2	Reka Bentuk Kurikulum ICCLE	139



4.3	Perbezaan dari Segi Kandungan antara Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE	151
4.3.1	Kandungan Kurikulum BCSK	151
4.3.2	Kandungan Kurikulum ICCLE	169
4.3.3	Membandingkan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE dari Segi Kandungan Kurikulum	182
4.4	Perbezaan dari Segi Pedagogi dan Kaedah Penilaian antara Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE	190
4.4.1	Pedagogi dan Kaedah Penilaian Kurikulum BCSK	191
4.4.2	Pedagogi dan Kaedah Penilaian Kurikulum ICCLE	200
4.5	Cadangan Penambahbaikan bagi Pelaksanaan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE	212
4.5.1	Cadangan Penambahbaikan bagi Pelaksanaan Kurikulum BCSK	212
4.5.2	Cadangan Penambahbaikan bagi Pelaksanaan Kurikulum ICCLE	220
4.6	Kesimpulan	225

## **BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN PENUTUP**

5.1	Pengenalan	227
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	227
5.2.1	Perbincangan Dari Segi Perbezaan Reka Bentuk	228
5.2.2	Perbincangan dari Segi Perbezaan Kandungan Kurikulum	232
5.2.3	Perbincangan dari Segi Perbezaan Pedagogi dan Kaedah Penilaian	241
5.2.4	Perbincangan dari Segi Cadangan Penambahbaikan bagi Pelaksanaan Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE	244
5.3	Implikasi Kajian	251

5.3.1	Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia	251
5.3.2	Implikasi kepada Kementerian Pendidikan China	252
5.3.3	Implikasi Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan China	253
5.4	Batasan Kajian	253
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	255
5.6	Penutup	256
	<b>RUJUKAN</b>	258
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Kronologi Perkembangan Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua di Sekolah Kebangsaan	12
2.1	Evolusi Kurikulum Peringkat Persekolahan Rendah (1983-2017) (Sumber dipetik daripada Jiaozong, 2018)	47
2.2	Modul dan Mata Pelajaran KSSR bagi Tahap 1 (Sumber dipetik daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010)	48
2.3	Modul dan Mata Pelajaran KSSR bagi Tahap 2 (Sumber dipetik daripada KPM, 2010)	48
2.4	Kursus-kursus Bahasa Cina yang Ditawarkan oleh KZIUM (Sumber dipetik daripada Laporan Tahunan KZIUM, 2018).	57
2.5	Rumusan Kursus-kursus Bahasa Cina (Dewasa) yang Ditawarkan oleh KZIUM (Sumber dipetik daripada laman web rasmi KZIUM)	58
2.6	Senarai Tapak Pengajaran KZIUM (Sumber dipetik daripada Laporan Tahunan 2019 KZIUM, dalam Charles dan Soon, 2021)	59
2.7	Rumusan Perbandingan Kurikulum dalam Bidang Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua	87
3.1	Data Utama (Sumber Primer) Kajian	109
3.2	Pembahagian Peringkat dan Tahap Berdasarkan “Standard Tahap Pendidikan Cina Antarabangsa bagi Penguasaan Bahasa Cina” (Sumber diadaptasi daripada <a href="https://www.hsk-ibt.com.my">https://www.hsk-ibt.com.my</a> )	110
3.3	Instrumen Untuk Menjawab Persoalan Kajian	120
3.4	Demografi Panel Pakar dan Aspek Kesahan	121
3.5	Peratus Persetujuan antara Panel Pakar dan Justifikasi Pengekalan atau Penyingkiran Item-item Perbandingan Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE	123

3.6	Peratus Persetujuan Pakar dan Status Item-item Perbandingan (Diadaptasi daripada Buku Panduan Pembinaan Instrumen “Anda dan Kepenggunaan”)	124
4.1	Struktur Masa bagi Setiap Aspek Kemahiran Bahasa dalam Kurikulum BCSK dari Tahun 1 hingga 6	134
4.2	Struktur Masa Kurikulum ICCLE yang Dilaksanakan di KZIUM (HSK 1 hingga 3)	142
4.3	Perbezaan Reka Bentuk antara Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE	148
4.4	Perbandingan Kosa Kata dan Perbendaharaan Kata antara Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE	182
4.5	Bilangan Kosa Kata dalam Buku Teks BCSK (KSSR Semakan) dari Tahun 1 hingga 6	183
4.6	Perbezaan Kandungan antara Kurikulum BCSK dengan Kurikulum ICCLE	188
4.7	Aspek dan Fokus Penilaian Kemahiran Bahasa dalam Kalangan Murid yang Belajar Subjek BCSK	196
4.8	Hubungan antara Tahap HSK Baharu, Bilangan Kosa Kata, Standard Kecekapan Cina Antarabangsa dan CEFR (Sumber dipetik daripada laman web Han Culture Central (M))	207
4.9	Hubungan antara Ujian Lisan HSK Baharu, Bilangan Kosa Kata, Standard Kecekapan Cina Antarabangsa dan CEFR (Sumber dipetik daripada laman web Han Culture Central (M))	207
4.10	Tahap Pembahagian dan Kehendak Ujian Lisan HSK Baharu (Sumber dipetik daripada laman web Han Culture Central (M))	208
4.11	Perbezaan Pedagogi dan Kaedah Penilaian antara Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE	211
5.1	Kadar Liputan Jumlah Aksara Cina dari Tahun 2005 hingga 2007.	236
5.2	Cadangan Saiz Kelas BCSK bagi Tahap 1 dan 2	244
5.3	Cadangan Saiz Kelas Kursus Komprehensif KZIUM bagi Beginner Class dan Intermediate	245
5.4	Cadangan Struktur Masa bagi Setiap Aspek Bahasa dalam Kurikulum BCSK dari Tahun 1 hingga 6	245



5.5	Cadangan Standard Kandungan bagi Kemahiran Mendengar dan Bertutur dalam Kurikulum BCSK (Tahun 1)	246
5.6	Cadangan Pembahagian Bilangan Kosa Kata bagi Kurikulum BCSK Tahun 1-6	247
5.7	Cadangan penambahan kosa kata atau perbendaharaan kata berunsur penyetempatan di Malaysia dalam Kursus Komprehensif KZIUM	247
5.8	Cadangan Aktiviti, Pertandingan dan Perayaan bagi Aspek Seni Bahasa dalam Kurikulum BCSK dari Tahun 1 hingga 6	248
5.9	Cadangan Penambahbaikan Aspek Pengetahuan Bahasa Kurikulum BCSK	249





## SENARAI RAJAH

<b>No. Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Kerangka Teoritikal Kajian	23
1.2	Model Perkembangan Kurikulum Murray Print (1993)	26
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	27
2.1	Kerangka Kurikulum KSSR (Sumber dipetik daripada KPM, 2017a)	50
3.1	Bray and Thomas Cube (1995)	93
3.2	Pemboleh ubah Kajian	95
3.3	<i>Research Onion</i> (Dipetik daripada Saunders et al., 2019)	96
3.4	Model Interaksi Miles dan Huberman (2014)	116
4.1	Kerangka Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK)	133
4.2	Struktur Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK)	134
4.3	Kerangka Kurikulum <i>International Curriculum for Chinese Language Education</i> (ICCLE)	141
4.4	Struktur Kurikulum <i>International Curriculum for Chinese Language Education</i> (ICCLE)	142
4.5	Perbandingan Bilangan Kosa Kata dalam Buku Teks BCSK (KSSR Semakan) dari Tahun 1 hingga 6	183
4.6	Perbandingan Bilangan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran bagi Aspek-aspek Bahasa dalam Kurikulum BCSK	184
4.7	Peratus Pembahagian Standard Kurikulum bagi Aspek-aspek Bahasa dalam Kurikulum BCSK	185
4.8	Perbandingan Bilangan Penerangan Objektif Khusus bagi Aspek-aspek Bahasa dalam Kurikulum ICCLE Mengikut Tahap	186
4.9	Peratus Bilangan Penerangan Objektif Khusus bagi Aspek-aspek Bahasa dalam Kurikulum ICCLE	187

## SENARAI SINGKATAN

ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
BCK	Bahasa Cina Komunikasi
BCSK	Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan
BCSM	Bahasa Cina Sekolah Menengah
BCSR	Bahasa Cina Sekolah Rendah
BFSU	Beijing Foreign Studies University
BLCU	Beijing Language and Culture University
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BRI	Belt and Road Initiative
CEFR	Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment
CLEC	Center for Language Education and Cooperation
CLPS	Chinese Language Proficiency Scales for Speakers of Other Languages
CPA	Huruf Fonetik China
DLP	Dual Language Programme
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
HSK	Hanyu Shuiping Kaoshi
HSKK	Hanyu Shuiping Kouyu Kaoshi

ICCLE	International Curriculum for Chinese Language Education
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBKK	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPLI	Kursus Perguruan Lulusan Ijazah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KTSP	Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
KZIUM	Institut Kongzi Universiti Malaya
MICFL	Malaysia International Conference On Foreign Languages
OCED	Organisation for Economic Co-operation and Development
PAUD	Pendidikan Anak Usia Dini
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah



## PERMATA Program Asuhan dan Didikan Awal kepada Kanak-kanak

PhD	Doctor of Philosophy
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
POL	Pupil's Own Language
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PS	Pentaksiran Sekolah
SAS	Sekolah Agama Swasta
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SFL	Systemic Functional Linguistics
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SK	Sekolah Kebangsaan
SLA	Second Language Acquisition
SMJK	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan Sekolah Menengah Kerajaan
SUWA	Sekolah Menengah Swasta
TCSL	Teaching Chinese as a Second Language
TPR	Total Physical Response
YCT	Youth Chinese Test



## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
  - (i) Pengesahan Status Pelajar daripada UPSI
  - (ii) Pengesahan untuk Membuat Penyelidikan daripada UPSI
  - (iii) Kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (ERAS)
  - (iv) Kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Perak
  - (v) Kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- B Instrumen Item Perbandingan Instrumen Item-item Perbandingan Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) dengan Kurikulum *International Curriculum for Chinese Language Learning* (ICCLE)
- C Protokol Temu Bual Mengenai Penambahbaikan Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) Malaysia
- D Protokol Temu Bual Mengenai Pelaksanaan Kurikulum *International Curriculum for Chinese Language Learning* (ICCLE) di Institut Kongzi Universiti Malaya (KZIUM)
- E Borang Kesahan Kajian Rintis
- F Transkrip Temu Bual



## BAB 1

### Pengenalan



#### 1.1 Pendahuluan

Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam aspek pembangunan negara kerana pendidikan merupakan faktor utama yang mendorong kepada peningkatan daya saing negara (Hashim et al., 2019). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk mengangkat sistem pendidikan Malaysia pada kedudukan sepertiga teratas di dunia demi menyumbang kepada kualiti kemenjadian murid (Norazilawati Abdullah, 2020).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kurikulum adalah senarai subjek atau kursus yang mengandungi skop dan isi kandungan untuk dirujuk dan diguna pakai di sekolah atau institusi pendidikan. Berdasarkan Global Education Monitoring Report





(2016), kurikulum adalah cara utama murid diberi pengetahuan dan kemahiran untuk memupuk pembangunan yang lestari dan kewarganegaraan secara global.

Kurikulum yang bersifat dinamik dan saintifik sentiasa mengalami perubahan dan penambahbaikan mengikut peredaran zaman. Sistem pendidikan sesebuah negara perlu dibina dan dirancang dengan teliti melalui peringkat perancangan dan pelaksanaan demi menjamin kualiti kurikulum yang berkesan (Azizi Jaafar, 2019). Pembentukan sistem pendidikan yang holistik adalah amat penting demi melahirkan modal insan yang berkemampuan tinggi dan memenuhi kehendak pasaran global menjelang abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014a)

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, KPM berhasrat untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai kemahiran dwibahasa menjelang abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai bahasa tambahan pada peringkat sekolah rendah dan menengah selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris agar setiap murid berpeluang untuk mempelajari bahasa tambahan selaras dengan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa dan bahasa menjelang tahun 2025 (Norazilawati Abdullah, 2020).

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Noor Azizi Ismail menyeru agar masyarakat mempelajari bahasa asing sebagai suatu nilai tambah memandangkan bahasa merupakan alat komunikasi yang penting di seluruh dunia semasa beliau merasmikan Persidangan Bahasa Asing kali ke-6 (MICFL 2018) di Universiti Putra Malaysia. Beliau turut menjadikan bahasa Cina sebagai contoh iaitu





ramai orang belajar bahasa Cina (Mandarin) sebagai bahasa kedua selain daripada bahasa Inggeris kerana pusat ekonomi sekarang tertumpu di China (Berita Harian Online, 2018).

Bahasa Cina mempunyai paling ramai penutur di dunia dengan mencatat angka lebih daripada 100 juta dengan anggaran bahawa terdapat lebih daripada 200 ribu pelajar dari luar negara yang menuntut ilmu di China (Ng, 2010). Pembelajaran bahasa Cina telah menjadi trend zaman kini dengan mencatat angka lebih daripada 40 ribu penutur bukan natif yang belajar bahasa Cina sebagai bahasa kedua di seluruh dunia (Ng, 2010). Berdasarkan statistik pada tahun 2021, angka-angka tersebut menaik secara mendadak dengan mencatat bilangan pelajar sekitar 25 juta yang belajar bahasa Cina di luar negara China. Secara kumulatif, pelajar yang belajar bahasa Cina telah mencecah hampir 200 juta (Chinaqw, 2022).

Pertumbuhan ekonomi dan pertukaran budaya yang semakin kerap berlaku antara negara China dengan negara-negara lain mendesak permintaan masyarakat untuk belajar bahasa Cina di seluruh dunia (Zhu, 2015). Perkembangan yang pesat bagi pengajaran bahasa Cina di seluruh dunia beransur-ansur menjejaki sistem pendidikan asas di kebanyakan negara. Menurut statistik, lebih daripada 70 negara di dunia telah memasukkan bahasa Cina ke dalam sistem pendidikan kebangsaan mereka, dan lebih daripada 4,000 universiti di pelbagai negara telah menawarkan kursus bahasa Cina pada tahun 2021 (Chinaqw, 2022).

Jika kita mengimbas kembali Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, jelaslah bahawa hasrat KPM adalah ingin menjadikan sekolah kebangsaan







sebagai pilihan utama bagi murid-murid di Malaysia dengan melaksanakan pelbagai dasar memperkasakan sekolah kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Salah satu daripada dasar yang dilaksanakan adalah memperkenalkan subjek Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) di sekolah kebangsaan. Sejak mata pelajaran BCSK diperkenalkan pada tahun 2007, ia telah menjadi pilihan bahasa tambahan yang amat popular dalam kalangan murid sekolah kebangsaan.

Lin & Zhu (2020) menyatakan bahawa terdapat 17 % atau lebih kurang seribu buah sekolah kebangsaan di Malaysia menawarkan mata pelajaran BCSK sebagai bahasa pilihan. Fenomena ini menunjukkan bahawa peningkatan kedudukan BCSK adalah berkait rapat dengan perkembangan pesat ekonomi negara China di mata dunia. Memandangkan pengaruh China dalam ekonomi dunia semakin kuat, menguasai bahasa Cina membolehkan seseorang mempunyai kelebihan dalam konteks persaingan ekonomi secara global.

Pada zaman kini, trend lapisan masyarakat yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing menjadi lebih muda secara beransur-ansur, dan skop pembelajaran juga beralih dari orang dewasa kepada kanak-kanak (Zhu, 2015; Zhu, 2014). Fenomena ini dapat ditinjau terutamanya di luar negara China, semakin ramai sarjana menyedari bahawa pembelajaran bahasa harus bermula dari zaman kanak-kanak (Zhu, 2014).

Selain daripada penawaran subjek BCSK di sekolah kebangsaan, KPM juga menawarkan mata pelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua di semua sekolah berasrama penuh untuk menggalakkan pembelajaran bahasa Cina dalam kalangan





pelajar. Subjek bahasa Cina yang diperkenalkan di sekolah berasrama penuh merupakan salah satu subjek elektif (Yap, 2011). Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 juga menggariskan bahawa institusi-institusi pengajian tinggi menawarkan bahasa-bahasa seperti bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Arab serta bahasa-bahasa asing yang lain kepada para mahasiswa agar mereka mampu bersaing dalam pasaran global dengan memiliki kemampuan multi bahasa (Unit Perancang Ekonomi, 2006).

Penyetempatan pengajaran bahasa Cina merujuk kepada gabungan pengajaran bahasa Cina dan situasi sebenar dengan mengambil kira faktor tempatan seperti latar belakang pendidikan dan kebudayaan yang berbeza bagi setiap negara demi mencapai keberkesanan yang terbaik dalam pengajaran bahasa Cina (Ding, 2013). Semakin banyak negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Perancis, Jepun, Korea Selatan, dan sebagainya telah menggubal kurikulum pengajaran bahasa Cina yang tersendiri atau tempatan (Ding, 2013). Begitu juga dengan Kurikulum BCSK, kurikulum ini merupakan kurikulum tempatan yang digubal berlandaskan dasar dan falsafah pendidikan Malaysia.

Dalam usaha untuk menjayakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, perubahan-perubahan yang sesuai perlu dilaksanakan dalam kurikulum untuk mencapai hasrat tersebut. Memandangkan pembelajaran sesuatu bahasa kedua / asing adalah sangat penting untuk memenuhi kehendak pasaran global, maka KPM perlu sentiasa mengkaji dan memurnikan kurikulum pengajaran bahasa kedua yang sedia ada agar kandungan kurikulum yang digubal adalah sejajar dengan konsep dan teori pengajaran bahasa kedua / asing.





Walaupun mata pelajaran BCSK telah dilancarkan lebih daripada 10 tahun di Malaysia iaitu bermula dari tahun 2007, tetapi pelaksanaan mata pelajaran tersebut tidak membuahkan hasil yang memberansangkan. Sebagai langkah untuk memperbaiki kelemahan yang wujud dalam kurikulum BCSK, Yap dan Wu (2010) mencadangkan agar para penyelidik merujuk dan mengkaji kurikulum negara-negara lain yang mengajar bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Dalam hal ini, Luo (2012) mencadangkan bahawa sumber kurikulum am seperti Kurikulum ICCLE harus diserap dalam proses penyetempatan kurikulum pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

Setiap negara perlu memanfaatkan sumber pendidikan negara lain untuk memperbaiki kelemahan sistem pendidikan masing-masing (Zhao, 2014). Malaysia menghadapi masalah kekurangan pengalaman dalam pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua secara praktikal (Yeap, 2014). Dalam konteks ini, negara China telah melakukan banyak kajian mengenai pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua berdasarkan gabungan hasil penyelidikan luar negara dan pengalaman guru di dalam negara.

Kurikulum perlu disemak semula mengikut tempoh masa yang tertentu untuk menjamin kualiti proses pendidikan negara kita (Abdul Rahim Hamdan, 2007). Untuk mengkaji kurikulum BCSK, satu kurikulum bahasa Cina sebagai bahasa kedua yang teratas perlu dijadikan sebagai bandingan. Kurikulum *International Curriculum for Chinese Language Education* (ICCLE) yang dilancarkan oleh Institut Confucius, China merupakan dokumen penting yang berfungsi sebagai “pembimbing” kepada semua jenis pengajaran pendidikan bahasa Cina sebagai bahasa kedua dan sangat sesuai



digunakan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur dan latar belakang pendidikan (Fu, 2016).

Matlamat dan struktur Kurikulum ICCLE dihubungkan dengan sistem ujian HSK (Hanyu Shuiping Kaoshi) yang sangat popular dan bertaraf antarabangsa. Ujian ini digunakan untuk menguji dan menilai tahap kompetensi bahasa dalam kalangan penutur bukan natif (Hanban, 2014). *School of Oriental Culture Academy*, Thailand telah berjaya mengadakan ujian HSK kali ke-22 (HSK baharu sesi ke-4) pada 23 Oktober 2011. Sebilangan besar calon HSK adalah terdiri daripada pelajar-pelajar universiti dan sekolah menengah, dan juga murid-murid sekolah rendah (Chinesetest, 2011).

Pada 18 Mac 2017, *HSK Crestar Singapore* telah melancarkan ujian HSK buat julung kalinya pada tahun 2017 dan mencipta rekod umur calon HSK di Singapura yang paling muda iaitu seorang budak perempuan yang berusia 4 tahun (HSK Crestar, 2017). Fenomena tersebut menunjukkan bahawa umur calon HSK adalah semakin muda ekoran daripada kesedaran mengenai kepentingan HSK sebagai piawaian untuk menilai tahap kompetensi bahasa Cina pada era globalisasi ini.

Kurikulum BCSK digubal berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR Semakan. DSKP KSSR Semakan merupakan dokumen bertulis penting yang digubal oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM dan digunakan di semua sekolah kebangsaan yang menawarkan subjek BCSK. Kurikulum ICCLE dan Kurikulum BCSK adalah kurikulum pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua yang pernah disemak dan dinilai dari semasa ke semasa. Di samping itu,



tempoh pelancaran Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE adalah hampir sama iaitu Kurikulum BCSK diperkenalkan pada tahun 2007 manakala Kurikulum ICCLE diperkenalkan pada tahun 2008. Selain itu, Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE mempunyai beberapa persamaan seperti berikut:

- (i) Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE adalah bermula dari peringkat asas yang amat sesuai bagi penuntut yang tidak mempunyai latar belakang bahasa Cina.
- (ii) Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE yang dibandingkan adalah kursus peringkat permulaan sahaja. Kursus Komprehensif KZIUM Tahap 1-3 adalah peringkat rendah / permulaan bagi pelajar-pelajar. Hal ini akan dijelaskan secara terperinci pada Bab 2 nanti.
- (iii) Sasaran penuntut Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE yang dilaksanakan di KZIUM adalah terdiri daripada penutur natif dan bukan natif.

Persamaan-persamaan antara Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE tersebut mendorong penyelidik menjalankan perbandingan kurikulum sebegini. Oleh itu, kurikulum ICCLE merupakan satu bandingan yang cukup relevan dan wajar kepada Kurikulum BCSK.





## 1.2 Latar Belakang

Sebagai gambaran awal untuk memahami tesis ini, penyelidik memberi pendedahan secara ringkas terlebih dahulu mengenai latar belakang pendidikan bidang bahasa Cina sebagai kedua di Malaysia dan China. Apabila menjalankan kajian perbandingan, penyelidik harus memberi perhatian kepada latar belakang objek yang dibandingkan, kerana latar belakang inilah yang mewujudkan persamaan atau perbezaan tersebut (Chen, 2013).

### 1.2.1 Latar Belakang Pendidikan Bidang Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua di Malaysia



Malaysia merupakan sebuah negara yang terletak di Asia Tenggara dan kaya dengan kepelbagaian budaya. Malaysia mempunyai penduduk Cina keempat terbesar di dunia menjadikan Malaysia berperanan sebagai pusat penting untuk mempromosi bahasa Cina (Xie, 2021). Malaysia adalah masyarakat majmuk yang terdiri daripada tiga kaum yang utama, iaitu orang Melayu, Cina dan India (Jiao, 2017). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), anggaran penduduk Malaysia pada tahun 2021 adalah seramai 32.75 juta dengan orang Melayu seramai 69.7%, orang Cina seramai 22.5%, dan orang India seramai 16.8%.

Persekitaran sosial Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum telah mewujudkan fenomena kepelbagaian bahasa (*multi language*). Sistem pendidikan di Malaysia telah diwarisi sejak zaman penjajahan Inggeris. Sebelum Perang Dunia kedua,





sekolah Inggeris, sekolah Melayu, sekolah Cina dan sekolah Tamil telah ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu. Justeru, pendidikan bahasa Cina pada masa itu telah menjadi sebahagian daripada sistem asas pendidikan Persekutuan Tanah Melayu (Ikhsan Othman & Norila Md Salleh, 2014).

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, bahasa Melayu ditetapkan sebagai bahasa kebangsaan. Walau bagaimanapun, pendidikan bahasa ibunda bagi orang Cina dan India di peringkat sekolah rendah dapat dikekalkan dan menjadi pendidikan kebangsaan di Malaysia. Sistem pendidikan di Malaysia merangkumi tiga peringkat yang berbeza iaitu peringkat sekolah rendah selama 6 tahun (7-12 tahun), sekolah menengah bawah selama 3 tahun (13-15 tahun) dan sekolah menengah atas selama 2 tahun (16-17 tahun) (KPM, 2014a).



Di Malaysia, bahasa Cina disebut sebagai 华语 (huayu). Malaysia adalah amat unik dengan wujudnya dua sistem pendidikan bahasa Cina yang berbeza iaitu pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa pertama dan juga pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Bahasa Cina merupakan bahasa ibunda dan bahasa pertama bagi orang Cina. Sebaliknya, bagi kaum yang lain seperti orang Melayu dan India, bahasa Cina merupakan bahasa kedua mereka (Yap, 2011).

Pendidikan bahasa Cina sebagai bahasa pertama tertumpu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Menengah Swasta (SUWA). Murid-murid yang menuntut di SJKC kebanyakannya terdiri daripada orang Cina tetapi terdapat sebilangan kecil adalah murid bukan kaum Cina. Bahasa Cina diajar sebagai bahasa kedua di Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah





Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan universiti-universiti tempatan.

Berdasarkan statistik yang ditunjukkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, sehingga bulan Februari tahun 2021, terdapat 1301 buah SJKC dengan jumlah murid seramai 507,177 (tidak termasuk prasekolah). Bilangan murid bukan kaum Cina yang menuntut di SJKC telah meningkat dari 11.84% kepada 19.75%, iaitu hampir dua kali ganda dari tahun 2010 hingga 2020 (Jiaozong, 2021). Statistik tersebut menunjukkan bahawa wujudnya permintaan yang tinggi dalam kalangan murid bukan kaum Cina untuk memahami dan menguasai bahasa Cina.

Menurut Liu dan Yuan (2020), pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua di Malaysia bermula sejak zaman penjajahan Inggeris (sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan) dan mempunyai sejarah selama 50 hingga 60 tahun. Pada zaman kini, penjawat-penjawat awam di beberapa jabatan kerajaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia turut belajar bahasa Cina untuk memupuk kemahiran berkomunikasi dengan orang Cina (Yap & Wu, 2010). Sejak tahun 1990-an, pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua berkembang dengan pesat dan diserap ke dalam sistem pendidikan kebangsaan Malaysia secara beransur-ansur (Liu & Yuan, 2020).

Pengajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan bermula seawal tahun 1960-an. Pada ketika itu, KPM telah menawarkan kelas *Pupil's Own Language* (POL) khusus kepada murid-murid Cina untuk mempelajari bahasa ibunda mereka di sekolah kebangsaan berpandukan Akta Pendidikan 1951 (Lin & Zhu, 2020). Sejak tahun 1996,





Kementerian Pendidikan Malaysia mula menggantikan kelas POL secara berperingkat dengan kelas “Bahasa Tambahan”. Kelas “Bahasa Tambahan” ditawarkan secara menyeluruh kepada murid-murid dari semua etnik di sekolah kebangsaan (Yap, 2011). Jadual 1.1 menunjukkan kronologi perkembangan pembelajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan.

Jadual 1.1

*Kronologi Perkembangan Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua di Sekolah Kebangsaan*

Tahun	Kelas atau Subjek yang Ditawarkan	Ciri-ciri	Sasaran
1960	<i>Pupil's Own Language</i> (POL) 母语班	Kelas diadakan sekiranya terdapat 15 orang atau lebih permohonan daripada ibu bapa agar bahasa ibunda diajar di sekolah berkenaan, bermula dari tahun tiga.	Terbuka kepada murid-murid Cina sahaja
1996	Bahasa Tambahan 附加语文班	Dilaksanakan untuk mengganti kelas POL, tidak memerlukan permintaan daripada ibu bapa untuk membuka kelas	Terbuka kepada semua etnik
2003	Bahasa Cina Komunikasi (BCK) 交际华语课	Bahasa Cina Komunikasi, Bahasa Tamil Komunikasi dan Bahasa Arab Komunikasi ditawarkan sebagai subjek pilihan. Permintaan daripada ibu bapa tidak diperlukan bagi membuka kelas-kelas tersebut.	Terbuka kepada semua etnik
2007	Bahasa Sekolah Kebangsaan (BCSK) 国小华语课	Berbeza dengan Bahasa Cina Komunikasi yang hanya berfokus kepada kemahiran lisan, BCSK mementingkan penguasaan kesemua aspek secara menyeluruh iaitu meliputi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.	Terbuka kepada semua etnik

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1, objektif dan matlamat pengajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan telah mengalami perubahan yang mendadak dalam



tempoh 60 tahun kebelakangan ini. Sekiranya ditinjau perkembangan pengajaran bahasa Cina di sekolah kebangsaan, dasar kurikulum bahasa Cina pada asalnya sebagai bahasa pertama bagi penutur natif telah beransur-ansur alih ke arah pengajaran sebagai bahasa kedua yang terbuka kepada semua etnik (Lin & Zhu, 2020).

### **1.2.2 Latar Belakang Pendidikan Bidang Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua / Asing di China**

Sebagai salah satu bahasa tertua di dunia, pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing mempunyai sejarah yang sangat lama di negara China. Namun demikian, pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing muncul sebagai subjek atau kerjaya adalah sejak tahun 1950-an dan mula diiktiraf oleh dunia akademik selepas tahun 1980-an (Chen et al., 2005).

Pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing telah wujud sejak awal tahun 1950-an di negara China dan telah melalui pelbagai tahap perkembangan. Pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing di China bermula pada bulan Julai tahun 1950 tetapi berkembang dengan pesat semasa 改革开放“Dasar Pembaharuan dan Pembukaan China Kepada Dunia Luar” dengan mengalami perubahan iaitu daripada mengajar bahasa Cina sebagai bahasa asing kepada mempromosi bahasa Cina ke peringkat antarabangsa (Zhao, 2014; Lou, 2011).

Menjelang tahun 2021, pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing telah melalui perkembangan selama 70 tahun. Pada tahun 2005, “World Chinese





Conference” ataupun Persidangan Bahasa Cina Antarabangsa yang dianjurkan di Beijing buat julung kalinya merupakan titik perubahan dalam sejarah pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing. Selain daripada melaksanakan kewajipan untuk mengajar bahasa Cina kepada pelajar asing yang menuntut ilmu di China, pada masa yang sama, China mula mengalih perhatian untuk mempromosi bahasa Cina ke serata dunia. Strategi mempromosi bahasa Cina ke peringkat antarabangsa merupakan mercu tanda atau titik perubahan yang besar dalam sejarah mengajar bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing di China (Lou, 2011).

Institut Confucius merupakan satu bentuk pendidikan yang melangkaui sempadan negara melalui kerjasama serantau. Kerjasama sebegini meningkatkan interaksi dan persefahaman pelbagai negara dalam bidang pendidikan dan kebudayaan (Zhao, 2014). Institut Confucius yang tersebar luas di seluruh dunia telah mewujudkan situasi baharu dalam penyebaran bahasa dan kebudayaan Cina di luar negara. Sebilangan besar guru bahasa Cina dan sukarelawan dari negara China telah dihantar ke seluruh dunia untuk menjayakan dasar penyebaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing (Fu, 2016).

### **1.2.3 Perspektif Perbandingan dalam Bidang Pendidikan Bahasa Cina**

Phillips (1999) menyatakan bahawa perbandingan merupakan komponen asas yang berasal daripada proses pemikiran untuk membolehkan kita memahami dunia dan memperoleh pengalaman mengenainya. Perbandingan dalam bidang pendidikan muncul daripada naluri ingin tahu manusia yang berperanan untuk mengkaji sistem





pendidikan orang lain, sama ada penggubal kurikulum, pentadbir, penyelidik ataupun guru. Perbandingan sebegini sebenarnya amat penting untuk mencapai kemajuan pendidikan (Alexander, 2000).

Perbandingan bermaksud membandingkan dua atau lebih perkara yang serupa atau perkara yang saling berkait rapat. Sejak dua abad yang lalu, penerapan kaedah perbandingan dalam penyelidikan pendidikan berkembang sehingga menjadi kaedah penyelidikan perbandingan pendidikan yang sistematik setelah masyarakat mendapat inspirasi daripada bidang penyelidikan yang lain (Chen, 2013). Hu & Ødegaard (2019) berpendapat bahawa melalui perspektif perbandingan, para penyelidik dapat mengenali dan lebih memahami antara satu sama lain, meluaskan perspektif serta saling belajar demi menghasilkan dasar kajian dan amalan yang lebih baik.



Trethewey (1964) menyatakan bahawa selain daripada mengetahui dan memahami sistem pendidikan masyarakat lain, penyelidikan perbandingan pendidikan mempunyai sekurang-kurangnya empat tujuan utama seperti berikut:

1. Memperoleh pemahaman yang lebih baik mengenai sistem pendidikan di negara asal.
2. Menggalakkan perkembangan, peningkatan atau perkhidmatan pendidikan di dalam dan di luar negara.
3. Membentuk pengetahuan umum, teori dan prinsip mengenai sistem pendidikan.
4. Menggalakkan persefahaman dan kerjasama antarabangsa untuk menyelesaikan masalah pendidikan peringkat antarabangsa.





Dalam era globalisasi ini, hubungan antara negara menjadi semakin rapat dan saling mempengaruhi dari pelbagai aspek seperti ekonomi, politik, agama, budaya, dan ketenteraan (Charles & Soon, 2021). Malaysia merupakan negara pertama yang menjalin hubungan diplomatik dengan China pada tahun 1974 (Shen, 2020; Charles & Soon, 2021). Dari segi ekonomi, China merupakan rakan dagang yang terbesar kepada Malaysia dengan mencatat perkembangan perdagangan sebanyak 8.1% kepada RM 313.8 bilion pada tahun 2020. China juga merupakan negara import terbesar bagi Malaysia iaitu mencapai 19.9% daripada jumlah import keseluruhan pada tahun 2018 (Sinar Harian, 2020).

Pada tahun 2013, Presiden China iaitu Xi Jinping mencadangkan 一带一路 iaitu

China's Belt and Road Initiative (BRI) sebagai suatu inisiatif untuk bekerjasama dengan negara lain. Selepas inisiatif itu dilaksanakan, China berpegang kepada konsep mentadbir secara global iaitu melalui perundingan secara meluas, menikmati sumbangan dan faedah bersama, serta bekerjasama dengan negara-negara sepanjang BRI secara aktif (Shen, 2020).

Dalam konteks penyebaran dan perkembangan pendidikan bahasa Cina sebagai bahasa kedua, Institut Confucius telah bekerjasama dengan Universiti Malaya untuk menubuhkan Institut Kongzi Universiti Malaya (KZIUM) pada tahun 2009 (Charles & Soon, 2021). Pada masa yang sama, Institut Confucius turut bergiat secara aktif dengan universiti-universiti tempatan di Malaysia untuk mempromosi aktiviti pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua dan melatih guru Cina tempatan (Charles & Soon, 2021).





### 1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa masalah utama yang mendorong kajian ini dijalankan. Salah satu isu hangat adalah timbulnya rungutan daripada segelintir ibu bapa dan guru yang mendakwa bahawa kurikulum beberapa subjek tahun satu adalah amat sukar dan beraras tinggi. Bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Dr Radzi Jidin berkata, Kementerian Pendidikan Malaysia akan menyemak semula kurikulum sekolah rendah dan menengah untuk menilai dakwaan tersebut (Berita Harian Online, 2022).

Rozaid seorang guru BCSK bukan penutur natif dalam sesi temu ramah dengan pemberita dari 星洲日报 (Sin Chew Jit Poh) mencadangkan bahawa kualiti kurikulum

BCSK perlu dipertingkatkan setelah beliau membandingkan kurikulum bahasa Cina di Sekolah Kebangsaan (SK) dengan kurikulum bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) (Sin Chew Daily, 2015),

Selain daripada kandungan Kurikulum BCSK yang sukar, menurut Zheng (2008), tahap dan struktur kandungan kurikulum bahasa Cina sebagai bahasa kedua di Malaysia tidak seragam dan kurang jelas. Yap (2011) turut menyokong kenyataan Zheng (2008) dan Ye (2010) dengan menegaskan bahawa KPM perlu mewujudkan satu sistem yang merangkumi aspek-aspek kurikulum, model pengajaran dan mekanisme pengurusan yang sesuai dengan keadaan semasa dan memenuhi keperluan setempat.

Yeap (2014) pula berpendapat bahawa pelaksanaan subjek BCSK di sekolah kebangsaan menghadapi beberapa masalah, salah satu daripadanya adalah perancangan kurikulum yang kurang menyeluruh. Menurut pandangan beliau, Kurikulum BCSK





tidak mengambil kira faktor latar belakang pendidikan murid yang berbeza. Beliau mencadangkan bahawa BPK harus menggubal kurikulum secara saintifik dalam bidang pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua untuk memenuhi kehendak murid-murid.

Kurikulum ICCLE bertujuan untuk menyediakan piawaian perancangan dan penilaian kurikulum yang saintifik bagi pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing. Walau bagaimanapun, dalam situasi sebenar, Kurikulum ICCLE tidak digunakan secara meluas, seolah-olah tidak dapat memberikan sokongan yang berkesan dalam pengajaran bahasa Cina peringkat antarabangsa (Ma & Zhang, 2019). Ma dan Zhang (2019) mencadangkan bahawa Kurikulum ICCLE perlu sentiasa menyerap kelebihan standard kurikulum dari negara lain agar dapat membentuk kurikulum yang lebih sesuai bagi pengajaran bahasa Cina peringkat antarabangsa (Ma & Zhang, 2019).



Kurikulum ICCLE adalah kurikulum yang umum tetapi agak mustahil untuk memenuhi keperluan dan kehendak sistem pendidikan bahasa kedua / asing di seluruh dunia kerana dasar dan falsafah pengajaran bahasa kedua bagi setiap negara adalah berbeza. Kurikulum ICCLE mungkin mengabaikan perbezaan tersebut dengan hanya bertindak sebagai kurikulum yang umum dan masih kurang berfungsi dalam pembangunan sumber pengajaran dan penilaian pengajaran bahasa Cina. Kurikulum ICCLE disusun dari sudut pandangan negara China dan tidak menggabungkan analisis khusus mengenai keadaan sebenar negara-negara yang lain (Zhang, 2020).

Di Malaysia, sebahagian besar penyelidikan mengenai pendidikan bahasa Cina hanya tertumpu kepada pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa pertama dan mengabaikan kajian mengenai pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua (Law,





2019). Melalui perbandingan kurikulum dalam bidang bahasa kedua, penyelidik mendapati bahawa kajian perbandingan dalam bidang bahasa Cina sebagai bahasa kedua adalah amat kurang, terutamanya bagi negara-negara Asia, kajian mengenai bidang tersebut adalah sangat sedikit.

Kurikulum ICCLE yang dilaksanakan di KZIUM berasal daripada China dan mungkin kurang memenuhi unsur penyetempatan di Malaysia. Untuk mengatasi masalah tersebut, Kurikulum ICCLE memerlukan kurikulum bahasa Cina sebagai bahasa kedua yang ideal sebagai perbandingan tetapi kurikulum bahasa Cina di universiti-universiti tempatan adalah berbeza-beza dan tiada piawaan yang tertentu. Dalam hal ini, Kurikulum BCSK mempunyai sistem pelaksanaan yang teratur dari segi penggubalan kurikulum, pedagogi dan kaedah penilaian. Justeru, ia adalah sangat sesuai dijadikan sebagai perbandingan untuk membaiki kelemahan-kelemahan yang mungkin timbul pada Kurikulum ICCLE.

Dengan ini, penyelidik telah mengkategorikan kajian-kajian mengenai BCSK kepada dua skop yang utama seperti berikut:

**i) Analisis dan Perbandingan Bahan Pengajaran**

Bagi analisis bahan pengajaran, Zheng (2008) telah mengkaji kurikulum dan buku teks BCSK (KBSR). Ting (2011) mengkaji buku teks BCSK (KSSR) tahun 1 manakala Ye (2012) menjalankan kajian terhadap buku teks BCSK (KSSR) tahun 1 hingga 6. Kon (2017) mengkaji fungsi palaeografi dalam buku teks BCSK (KSSR) tahun 1 hingga 6. Bagi aspek perbandingan bahan pengajaran pula, Yap dan Wu (2010) telah membuat perbandingan terhadap pelbagai bahan pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua







yang popular digunakan di setiap peringkat persekolahan di Malaysia, termasuk buku teks BCSK. Bu (2016) pula membandingkan buku teks BCSK (KSSR) dan BCSR (KSSR) dari segi struktur ayat.

Pei (2017) membandingkan buku teks BCSK (KSSR) dengan buku teks “Happy Learning Chinese” di Thailand dari aspek pemilihan topik pengajaran dan leksikal. Lim dan Fan (2018) telah membandingkan buku teks BCSK tahun 5 dan 6 (KBSR) dengan buku teks (KSSR) dari aspek prinsip kebudayaan. Wee (2019) pula membandingkan kandungan buku teks BCSK (KSSR Semakan) dan BCSR (KSSR Semakan) Tahun 1. Yue (2020) membuat perbandingan terhadap beberapa buku teks bahasa Cina yang berlainan aliran di Malaysia, termasuk buku teks BCSK (KSSR Semakan).

## ii) **Perbandingan Kurikulum BCSK dengan Kurikulum BCSR**

Yeap (2011) telah membanding dan menganalisis pembentukan pendidikan kurikulum bahasa Cina yang utama di Malaysia dari aspek prinsip negara, falsafah pendidikan negara, objektif, dan kandungan pembelajaran. Tiga jenis kurikulum bahasa Cina utama yang berlainan aliran iaitu Kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK), Kurikulum bahasa Cina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Kurikulum bahasa Cina Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dipilih dalam kajian tersebut. Lee (2012) pula membandingkan kandungan buku teks BCSK (KBSR) dengan BCSK (KSSR) tahun 1. Lee (2016) membandingkan kosa kata yang terkandung dalam Kurikulum BCSK dengan Kurikulum BCSR dan 汉字等级划分 *The Graded Characters for the Application of Teaching Chinese to Speakers of Other Languages*. Jiao (2017) membuat perbandingan terhadap standard kurikulum tahun 1 dan 6 terhadap Kurikulum BCSK (KSSR) dan BCSR (KSSR).





Melalui tinjauan kajian-kajian yang dijalankan dalam bidang BCSK, boleh disimpulkan bahawa kajian mengenai BCSK hanya tertumpu kepada skop analisis dan perbandingan buku teks serta perbandingan kurikulum BCSK dengan kurikulum bahasa Cina sebagai bahasa pertama seperti BCSR dan BCSM sahaja. Belum ada sebarang kajian perbandingan mengenai kurikulum BCSK (KSSR Semakan) yang terkini dengan kurikulum negara yang lain dalam bidang pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Justeru, kajian penyelidik dapat mengisi jurang kajian dalam bidang pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

#### 1.4 Objektif Kajian



Penyelidikan ini fokus kepada objektif-objektif berikut:

1. Mengenal pasti perbezaan reka bentuk kurikulum antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China.
2. Mengenal pasti perbezaan kandungan kurikulum antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China.
3. Mengenal pasti perbezaan pedagogi dan kaedah penilaian antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China.
4. Mencadangkan penambahbaikan bagi pelaksanaan Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dan Kurikulum ICCLE (Semakan) China.





## 1.5 Soalan Kajian

Persoalan penyelidikan telah dibina berdasarkan objektif kajian iaitu:


1. Apakah perbezaan reka bentuk kurikulum antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China?
2. Apakah perbezaan kandungan kurikulum antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China?
3. Apakah perbezaan pedagogi dan kaedah penilaian antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China?
4. Apakah cadangan penambahbaikan bagi pelaksanaan Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dan Kurikulum ICCLE (Semakan) China?



## 1.6 Kerangka Teoritikal Kajian

Setelah meninjau pelbagai teori yang berkaitan dengan kajian ini, penyelidik telah mengadaptasi dan menggabungkan teori perkembangan kurikulum Murray Print dan teori pemerolehan bahasa kedua untuk membentuk kerangka teoritikal kajian iaitu Teori Perkembangan Kurikulum Pengajaran Bahasa Kedua. Kerangka teoritikal kajian ditunjukkan seperti *Rajah 1.1* di bawah:





Rajah 1.1. Kerangka Teoritik Kajian

Teori pemerolehan bahasa yang diaplikasikan dalam kajian ini terdiri daripada Teori Input Hipotesis yang diperkenalkan oleh Stephen Krashen dan Teori Linguistik



Berfungsi Sistemik yang dikemukakan oleh Halliday. Kerangka teori ini adalah berlandaskan falsafah dan dasar pendidikan Malaysia dan China seperti Akta Pendidikan 1996, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025, Peraturan-peraturan Penubuhan Institut Confucius, Perancangan Institut Confucius dan sebagainya. Teori-teori yang mendasari kurikulum bahasa Cina sebagai bahasa kedua akan dibincangkan dengan terperinci dalam bab yang seterusnya.

Kajian ini dilaksanakan dengan berpandukan model perkembangan kurikulum yang diubahsuai dan diadaptasi daripada buku Murray Print yang bertajuk “*Curriculum Development and Design*” yang diterbitkan pada tahun 1993. Print (1993) mencadangkan tiga fasa dalam model perkembangan kurikulum seperti yang berikut:

**i) Fasa 1: Organisasi (*Organization*)**

Fasa ini iaitu kurikulum *presage* yang melibatkan perkembangan pemahaman tentang apa yang sedang berlaku. Perkara pertama yang timbul dari *presage* kurikulum adalah analisis situasi (*situational*). Analisis situasi adalah kajian keadaan semasa proses pengumpulan data dan maklumat untuk membantu bahagian yang seterusnya dalam perkembangan kurikulum. Ini juga membawa maksud proses memeriksa kandungan iaitu kurikulum akan dikembangkan dan penerapan analisis itu ke dalam perancangan kurikulum.

**ii) Fasa 2: Perkembangan (*Development*)**

Fasa ini memperihalkan tugas perkembangan kurikulum dan memerlukan para penggubal kurikulum untuk mengembangkan dokumen, bahan atau projek kurikulum. Penggubal kurikulum perlu mengikuti prosedur kitaran dalam model ini berdasarkan




urutan setiap elemen kurikulum. Proses ini bermula dengan analisis situasi (*situational*), kemudian dilanjutkan kepada tujuan, matlamat dan objektif (*aims, goal and objectives*), seterusnya dihubungkan dengan isi kandungan (*contents*), aktiviti pembelajaran (*learning activities*), dan akhir sekali adalah penilaian instruksional (*instructional evaluation*).

Penilaian instruksional menyediakan data yang diperlukan mengenai pelaksanaan kurikulum dalam model ini. Walaupun proses perkembangan kurikulum adalah proses linear yang dilaksanakan mengikut urutan langkah hingga tahap yang terakhir iaitu penilaian, tetapi ia sebenarnya adalah proses kitaran seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 1.2*. Apabila satu kitaran selesai, penggubal kurikulum akan mengkaji dan membuat perubahan terhadap kurikulum tersebut.

### iii) Fasa 3: Aplikasi (*Application*)

Fasa ini merangkumi pelaksanaan, pemantauan dan maklum balas serta penyediaan data maklum balas kepada kumpulan yang mengembangkan kurikulum. Pada tahap awal pelaksanaan, bahan kurikulum sering dikeluarkan dalam bentuk draf dan kemungkinan akan berlaku perubahan setelah ia dikaji. *Rajah 1.2* merupakan Model Perkembangan Kurikulum Murray Print:




Rajah 1.2. Model Perkembangan Kurikulum Murray Print (1993)

## 1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian adalah sangat penting untuk memastikan hala tuju kajian penyelidik adalah berada pada landasan yang selari dengan persoalan kajian. Kajian ini adalah bertujuan untuk membuat perbandingan dengan mencari perbezaan antara Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dengan Kurikulum ICCLE (Semakan) China melalui kaedah dokumen bertulis dan temu bual seterusnya mencadangkan penambahbaikan terhadap Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE. Perbandingan yang dijalankan merangkumi aspek-aspek seperti reka bentuk, kandungan kurikulum,

pedagogi dan kaedah penilaian yang mendasari kurikulum. *Rajah 1.3* merupakan kerangka konseptual kajian ini.



*Rajah 1.3.* Kerangka Konseptual Kajian

## 1.8 Kepentingan Kajian

Penyelidikan perbandingan di rantau Asia Tenggara (ASEAN) tidak diberi tumpuan yang secukupnya. Penyelidik berharap kajian ini dapat menjalin persefahaman dan kerjasama antara Malaysia dengan China dalam bidang pendidikan bahasa Cina sebagai bahasa kedua / asing. Penyelidikan ini penting untuk meningkatkan kualiti Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) dan Kurikulum ICCLC (Semakan) dengan mencadangkan





penambahbaikan kepada kedua-dua kurikulum tersebut. Di samping itu, hasil dapatan kajian ini dapat memberi manfaat dan maklumat baharu kepada beberapa pihak seperti berikut:

### **1.8.1 Kementerian Pendidikan Malaysia**

Hasil dapatan kajian ini akan memanfaatkan Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Buku Teks) seperti berikut:



#### **1.8.1.1 Bahagian Pembangunan Kurikulum**



Bekas Menteri Pendidikan Malaysia, Datuk Dr Radzi Jidin berkata, pusingan pertama Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) akan lengkap pada tahun 2022. Setelah tamat kohort tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia akan menyemak semula kurikulum mengikut kesesuaian dengan mengambil kira perkembangan semasa (Berita Harian, 2022). Dengan ini, Pihak BPK dapat menyemak semula dan memurnikan kurikulum BCSK yang sedia ada berdasarkan hasil kajian ini.





### **1.8.1.2 Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan**

Dengan adanya kurikulum yang berkualiti, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan boleh menghasilkan buku teks yang memenuhi kehendak pasaran. Penemuan kajian ini juga memberi garis panduan dan rujukan kepada penulis-penulis untuk menghasilkan buku teks pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua yang berkualiti.

### **1.8.2 Kementerian Pendidikan China**

Hasil dapatan kajian ini turut memberi manfaat kepada Pusat Pendidikan dan Kerjasama Bahasa (CLEC) dan Institut Confucius seperti berikut:

#### **1.8.2.1 Pusat Pendidikan dan Kerjasama Bahasa**

Hasil dapatan kajian ini bertindak sebagai rujukan penting bagi Pusat Pendidikan dan Kerjasama Bahasa untuk menambahbaik Kurikulum ICCLE khususnya dalam meninjau isu penyetempatan bahasa Cina. Selain itu, hasil penyelidikan ini juga menyalurkan idea baharu bagi penulisan kurikulum dan buku teks antarabangsa dengan menitik beratkan dasar pendidikan negara, konsep pembelajaran bahasa kedua, dan unsur penyetempatan negara-negara lain.





### **1.8.2.2 Institut Confucius**

Hasil dapatan kajian ini merupakan rujukan penting bagi Institut Confucius dalam usaha untuk menyebarkan bahasa Cina ke peringkat antarabangsa. Hasil perbandingan ini merupakan rujukan penting bagi Institut Confucius untuk mengkaji unsur penyetempatan kurikulum tempatan di negara-negara yang berlainan.

### **1.8.3 Institut Pendidikan Guru/ Institusi Pengajian Tinggi**

Pihak Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan pusat akademik yang melatih bakal-bakal guru. Dengan adanya kajian ini, pensyarah-pensyarah IPG boleh melakukan justifikasi terhadap kurikulum yang sedia ada demi memanfaatkan bakal-bakal pendidik negara. Bagi pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pula, penemuan kajian ini akan menambahkan koleksi ilmiah di pusat sumber untuk rujukan siswazah dan pascasiswazah, tidak kira di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tempatan dan luar negara.

### **1.8.4 Guru dalam Bidang Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua/Asing**

Guru merupakan warga pendidik dan juga pelaksana kurikulum yang menjadi tunggak utama untuk menyampaikan ilmu kepada murid-murid. Pemahaman guru terhadap kurikulum mempengaruhi strategi pelaksanaan kurikulum di sekolah. Kurikulum yang





berkualiti dapat membantu guru-guru dalam bidang pengajaran bahasa kedua / asing dalam pelaksanaan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dirancang dengan lebih efisien, seterusnya dapat meningkatkan profesionalisme guru dalam bidang tersebut.

### **1.8.5 Penyelidik dalam Bidang Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua / Asing**

Kajian ini bukan sahaja dapat mengisi jurang kajian dengan memberi sumbangan literasi kepada Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) dan Kurikulum ICCLE, bahkan dapat mempelbagai kajian dalam bidang kurikulum di Malaysia dan China, khususnya dalam bidang pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Maka, dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai pengetahuan asas atau rujukan bagi kajian-kajian lain dalam kurikulum, khususnya dalam bidang pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

## **1.9 Batasan Kajian**

Kajian mengenai perbandingan kurikulum merupakan bidang kajian yang luas dan skop kajian perlu ditentukan supaya kajian dapat dilaksanakan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti sumber yang sedia ada dan tempoh masa yang diperuntukkan. Penyelidik telah mengenal pasti beberapa batasan dalam kajian ini seperti berikut:



Pertama, batasan persampelan. Ruang lingkup kajian ini hanya tertumpu kepada Kurikulum BCSK (KSSR Semakan) Malaysia dan Kurikulum ICCLE (Semakan) China. Hal ini demikian kerana penyelidik menghadapi masalah kekangan masa untuk menganalisis semua kurikulum pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua yang diperkenalkan oleh kedua-dua negara tersebut.

Justeru, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua kurikulum pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua kerana kandungan kurikulum bagi setiap peringkat persekolahan adalah berlainan. Fahaman agama dan ideologi politik antara Malaysia dan China tidak akan ditonjolkan kerana fokus utama kajian ini adalah tertumpu pada analisis dokumen bertulis dari aspek reka bentuk dan kandungan kurikulum, pedagogi serta kaedah penilaian kurikulum sahaja.

Kedua, batasan metodologi. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan temu bual. Skop kajian ini hanya menganalisis kriteria-kriteria seperti reka bentuk dan kandungan kurikulum, pedagogi dan kaedah penilaian sahaja. Kaedah temu bual dalam kajian ini hanya bertindak sebagai data sokongan. Triangulasi untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data dalam kajian ini.

Ketiga, batasan responden. Penyelidik hanya menemu bual empat responden yang terlibat secara dalam bidang kajian ini. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada dua orang guru BCSK yang pernah terlibat dalam pengubalan DSKP KSSR Semakan bagi mata pelajaran BCSK dan dua orang guru bahasa Cina yang mengajar di KZIUM. Segala input dan maklumat yang terkumpul daripada temu bual nanti dapat melengkapkan hasil dapatan analisis dokumen kajian ini.



## 1.10 Definisi Operasi

Penyelidik mengemukakan beberapa istilah yang perlu dijelaskan definisi penggunaan dalam kajian ini.

### 1.10.1 Kurikulum

Para penyelidik di seluruh dunia memiliki perspektif yang berbeza mengenai takrifan kurikulum kerana kurikulum sentiasa berkembang sejajar dengan perkembangan teori dan falsafah pendidikan. Kurikulum merupakan kayu ukur bagi KPM untuk menentukan pencapaian matlamat dan objektif pendidikan negara. Menurut Azizi Jaafar (2019), kurikulum merupakan dokumen perancangan pembelajaran yang direka bentuk khas untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan oleh warga pendidik dan juga para pelajar di sekolah atau di insituti pengajian.

### 1.10.2 Pengajaran Bahasa Cina Sebagai Bahasa Kedua

Pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua bukan sahaja merujuk kepada pengajaran bahasa Cina yang dilakukan di China bagi penduduk asing, tetapi juga merangkumi pengajaran bahasa Cina kepada etnik minoriti di China, malah pengajaran bahasa Cina yang disebarkan di seluruh dunia. Dengan kata lain, istilah pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua meliputi semua pengajaran bahasa Cina selain daripada bahasa pertama (Chen et al., 2005).





Di Malaysia, pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua juga disebut sebagai pengajaran Mandarin (Hoe, 2014). Bahasa asing dikategorikan sebagai bahasa kedua, dan pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa asing merupakan sejenis pengajaran bahasa kedua (Chen et al., 2005). Justeru, konsep tersebut boleh diaplikasikan ke dalam pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Dalam konteks ini, penyelidik akan menggunakan istilah “bahasa kedua / asing” untuk mewakili pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

### 1.10.3 Sekolah Kebangsaan

Menurut Lin dan Zhu (2020), sistem pendidikan di Malaysia pada peringkat sekolah rendah secara lazimnya terdiri daripada beberapa aliran yang berbeza, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Sekolah kebangsaan menggunakan Bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan Malaysia sebagai bahan pengantara yang utama dalam pelaksanaan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (KPM, 2014a). Majoriti daripada murid-murid di sekolah kebangsaan adalah terdiri daripada kaum Melayu, diikuti dengan kaum lain seperti kaum Cina, India, Punjabi, orang asli dan sebagainya.

### 1.10.4 Kurikulum BCSK

Dalam kajian ini, istilah kurikulum BCSK adalah merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BCSK (KSSR Semakan) yang disediakan dan dikawal selia





oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Mata pelajaran BCSK mula diperkenalkan pada tahun 2007. Setelah kurikulum BCSK disemak semula, ia beransur-ansur mengalih kepada konsep pembelajaran bahasa kedua. Guru-guru yang mengajar mata pelajaran BCSK adalah terdiri daripada golongan yang bergraduan dari Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dan juga Kursus Ijazah Sarjana Muda Bahasa Mandarin di Universiti Beijing (Khalidar, 2019).

### 1.10.5 Kurikulum ICCLE

Dalam kajian ini, kurikulum ICCLE merujuk kepada program pendidikan yang disediakan dan ditadbir oleh Institut Confucius dan CLEC (dulu dikenali sebagai Hanban), China. Kurikulum *International Curriculum for Chinese Language Education* (ICCLE) merupakan asas rujukan bagi institusi pengajaran dan guru bahasa Cina dalam penyusunan rancangan pengajaran dan standard penilaian kemampuan pelajar menguasai pembelajaran bahasa Cina. Kurikulum ini menyusun pengetahuan bahasa Cina yang tipikal, pengetahuan budaya dan kandungan pengajaran lain, serta memberi contoh dan cadangan yang praktikal untuk rujukan guru bahasa Cina antarabangsa dalam pengajaran, kursus peningkatan profesionalisme guru dan pembinaan buku teks (Hanban, 2014).







### 1.10.6 Kurikulum Standard Sekolah Rendah

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dilaksanakan mulai tahun 2011 sejajar dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). Pelaksanaan KSSR ini merupakan suatu transformasi pendidikan negara yang membawa kepada perubahan yang holistik kepada kurikulum yang sedia ada (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016a). Dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan, isi kandungan pembelajaran memiliki standard tertentu yang perlu dikecapi oleh setiap murid. KSSR digubal berasaskan standard kandungan dan standard pembelajaran yang dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum (KPM, 2016a).



### 1.10.7 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran



Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) merupakan satu dokumen yang mengintegrasikan kurikulum dan pentaksiran (KPM, 2016a). DSKP menyenaraikan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi untuk rujukan warga pendidik (KPM, 2016a). DSKP dilaksanakan untuk memudahkan guru melaksanakan pentaksiran. KPM telah membuat penanda aras dengan kurikulum negara maju untuk memastikan KSSR setanding dengan sistem pendidikan global.





## 1.11 Rumusan

Bab pengenalan ini merupakan bab penjelasan awal kepada kajian penyelidikan. Bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka teoritikal dan konseptual kajian, serta definisi operasi. Kajian ini bertujuan untuk mencari perbezaan melalui perbandingan antara Kurikulum BCSK Malaysia dengan Kurikulum ICCLE China dari aspek reka bentuk, kandungan kurikulum, pedagogi dan penilaian seterusnya mencadangkan penambahbaikan terhadap Kurikulum BCSK dan Kurikulum ICCLE.

